

DATE: 16/04/2008

Najib yakin kebijaksanaan Abdullah

Oleh HAMDEN RAMLI

PUTRAJAYA 15 April - Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempunyai kebijaksanaan untuk menentukan masa yang sesuai bagi peralihan kuasa yang licin demi kebaikan parti dan negara.

Sehubungan itu, kata beliau, diserahkan kepada Presiden UMNO itu untuk menentukan tempoh masa bagi peralihan kuasa itu.

"Kita serahkan kepada Perdana Menteri untuk menetapkan tempoh waktu yang sesuai. Saya yakin dengan kebijaksanaannya dalam menentukan apa yang baik untuk parti dan negara," katanya kepada pemberita selepas pelancaran pertandingan mengeja di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Abdullah semalam bahawa soal peralihan kuasa hanya akan dibincangkan bersama timbalannya selepas selesai pemilihan UMNO Disember ini.

Semalam, Perdana Menteri turut mengumumkan akan mempertahankan jawatan Presiden UMNO pada pemilihan parti Disember ini walaupun ada gesaan di kalangan ahli-ahli UMNO supaya peralihan kuasa itu dilakukan segera.

Menurut Najib, keputusan Abdullah mempertahankan jawatan Presiden parti pada pemilihan ini selari dengan hasrat beliau untuk memastikan UMNO dimantapkan terlebih dahulu.

Katanya, ini penting bagi memastikan UMNO terus berada di atas landasan yang lebih kukuh untuk menghadapi sebarang cabaran politik.

"Presiden parti telah membuat kenyataan untuk mempertahankan jawatan sebagai Presiden. Saya percaya itulah satu keputusan yang selaras dengan hasrat beliau," katanya.

Ditanya mengenai tindakan sesetengah pemimpin UMNO yang terlalu lantang menyuarakan pandangan terhadap pucuk pimpinan parti, Najib berkata, sebagai sebuah parti demokratik, pandangan daripada pelbagai pihak perlu dibenarkan.

"Tak apa. Sebagai parti demokratik kita perlu membenarkan pelbagai pandangan disuarakan," katanya.